

# PM mula bertugas Isnin selepas dua bulan bercuti

UM - 3 MAY 2003

**KUALA LUMPUR 2 Mei** – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pulang ke tanah air dari percutiannya di luar negara petang ini untuk memulakan tugas-tugas yang 'padat dan memenatkan' mulai Isnin ini.

Beliau tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan nesawat MAS dari London bersama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali, menurut kenyataan pejabatnya hari ini.

Ketibaan beliau di lapangan terbang disambut oleh Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr. Mahathir mula bercuti sejak awal Mac lalu. Sebaik sahaja masuk ke pejabatnya Isnin ini, beliau dijadual menghadiri pelbagai acara rasmi kerajaan, swasta dan parti.

Khamis depan beliau akan merasmikan loji gas asli cecair MLNG ketiga di Bintulu, Sarawak.

Loji itu adalah untuk menampung pengeluaran gas asli terbesar di dunia pada satu lapangan pengeluaran di luar pantai Sarawak.

Pada 10 Mei, Dr. Mahathir akan merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-57 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Pada hari berikutnya, beliau akan menghadiri majlis ulang tahun UMNO ke-57 di Stadium Merdeka dan memberi ucapan.

Canselor Jerman, Gerhard Schroeder dijangka tiba ke sini pada hari yang sama dan dijadual mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri.

Pada bulan ini juga, Dr. Mahathir sebagai Menteri Kewangan dijangka mengumumkan package rangsangan ekonomi negara.